

APB Rembau e-Bulletin

e-ISSN: 2682-776X

Edition: 13/2024

EDITORIAL BOARD

PATRON

Prof. Dr. Yamin Yasin

COORDINATOR

Nur Faathinah Mohammad Roshdan

CHIEF EDITOR

Assoc. Prof. Dr. Soo Kum Yoke, Carolyn

EDITORIAL COMMITTEE

Ooi Sing Ee

Khairon Nisa Shafeei

Shahrul Muhazad Shahrudin



Penggunaan YouTube di dalam Pengajaran dan Pembelajaran (PdP)

*Ditulis oleh: Sri Yusmawati Mohd Yunus,
Rozianiwati Yusof, Normaziah Abdul
Rahman, Norhafizah Hashim, Nor Azlina
Aziz Fadzillah*

YouTube merupakan platform video yang membolehkan pengguna menonton, berinteraksi serta memuatnaik pelbagai jenis kandungan video yang diminati. YouTube telah menjadi salah satu laman web popular di dunia dengan menawarkan pelbagai kandungan video bagi muzik, vlog, tutorial serta video pendidikan.

Bagi generasi muda ketika ini, ia telah menjadi trend dan mereka sangat gemar menggunakan aplikasi media sosial seperti TikTok, Instagram dan YouTube untuk berinteraksi dan berkongsi rutin harian. Ini memberi ilham kepada tenaga pengajar menggunakan pendekatan itu untuk sesi Pengajaran dan Pembelajaran (PdP)

ia juga untuk mengelakkan pelajar merasa mudah jemu dan angkat kaki apabila mengikuti sesi pembelajaran PdP menerusi aplikasi seperti Telegram, Google Meet dan Zoom Meeting yang memerlukan pelajar hanya duduk, mendengar dan sekali sekala menyampuk apabila tidak memahami sesuatu yang diajar.

Di dalam dunia pendidikan, YouTube juga dijadikan sebagai sumber bahan dan banyak

digunakan oleh tenaga pengajar, pelajar universiti serta pelajar sekolah. Antara contoh penggunaan YouTube bagi aktiviti PdP:


- i. YouTube menyediakan akses yang lebih mudah bagi pelbagai jenis kandungan pendidikan, termasuk video tutorial, pembentangan, sesi kuliah dan video demo. Ini memudahkan pengguna belajar dengan lebih visual dan interaktif.
- ii. Tenaga pengajar dapat menghasilkan video pengajaran yang lebih interaktif dan menarik bagi membantu menjelaskan sesuatu konsep yang lebih mudah atau menghasilkan ilustrasi atau diagram yang ringkas bagi pemahaman yang lebih mudah kepada pelajar.
- iii. Video di YouTube juga dapat digunakan sebagai material tambahan bagi kurikulum yang telah sedia ada di sekolah atau universiti.
- iv. Pelajar boleh menggunakan YouTube sebagai alat pembelajaran sendiri sebagai pemahaman yang lebih jelas di luar waktu kelas.
- v. YouTube juga menyediakan tutorial sebagai bahan rujukan seperti video masakan, cara pemasangan perisian komputer, cara menjahit pakaian, cara untuk menservis kereta serta cara memasang alatan komputer dan sebagainya.

- vi. YouTube juga boleh diakses dengan lebih mudah oleh pelbagai pengguna serta lebih fleksibel dijadikan alat pembelajaran bagi pelajar di lokasi yang berbeza.


Penggunaan YouTube telah menjadi sebagai satu platform yang lebih meluas di dalam PdP dan berikut merupakan di antara kebaikan penggunaan YouTube di dalam PdP:

- i. YouTube boleh diakses dari lokasi berbeza dan dari pelbagai pengguna.
- ii. Video di YouTube menggabungkan elemen multimedia audio, grafik, visual serta teks yang lebih interaktif.
- iii. Pelajar dapat mengakses video di YouTube dari pelbagai lokasi serta bila-bila masa mengikut gaya pembelajaran yang tersendiri.
- iv. Melalui kandungan video yang menarik dan interaktif, ia berupaya meningkatkan motivasi pelajar untuk belajar dan membantu penglibatan pelajar di dalam proses pembelajaran.
- v. Pelajar juga dapat menggunakan YouTube untuk belajar dengan lebih terperinci mengenai sesuatu material pembelajaran di sekolah atau universiti di luar waktu kelas.
- vi. Melalui penggunaan video di YouTube juga boleh membantu pelajar di dalam penggunaan bahan

digital, seperti pencarian bahan secara efektif dan penggunaan bahan teknologi yang lebih produktif.



Gambar 1: Contoh YouTube channel



Gambar 2: Video PdP di YouTube channel

Melalui video PdP yang dimuatnaik di YouTube, pelajar boleh memahami sesuatu kandungan dengan lebih jelas dan mudah kerana semua hanya di hujung jari, hanya perlu cari dan mainkan video tersebut sahaja. Nak lebih mudah, jom guna YouTube!